ASNB

# BORANG PENGISYTIHARAN FATCA DAN CRS

## ARAHAN

1. Sila baca arahan berikut sebelum melengkapkan borang ini.
2. Borang ini digunakan untuk mengisytiharkan maklumat FATCA dan CRS bagi transaksi kaunter di cawangan ASNB dan ejen. Ia terpakai untuk pendaftaran baharu, kemas kini maklumat peribadi/perubahan keadaan, dan pengisytiharan yang dilakukan berdasarkan pemberitahuan dari Ibu Pejabat ASNB.
3. Pengisytiharan berkaitan dengan kriteria FATCA dan CRS bagi Pemegang Unit Minor akan dilaksanakan oleh Penjaga Berdaftar.
4. Borang ini mengandungi empat bahagian – Bahagian A, B, C, dan D, yang memerlukan ASNB untuk mendapatkan maklumat berkaitan cukai pendapatan anda bagi mematuhi Income Tax (Automatic Exchange of Financial Account Information) Rules 2016, Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) dan Piawaian Pelaporan Umum (CRS).
5. Borang ini dianggap sah sekiranya anda menandatangani dan menyatakan tarikh di **Bahagian D – PENGISYTIHARAN DAN PENGAKUAN.**
6. Anda boleh rujuk Glosari pada halaman seterusnya untuk istilah dan definisi yang digunakan dalam borang ini.
7. Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan mengenai status pemastautin cukai anda, sila rujuk dengan penasihat cukai anda atau anda boleh merujuk
   - https://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-residency/.

### KRITERIA FATCA & CRS

1. Kriteria FATCA dan CRS termasuk:
   - Pemastautin Cukai Luar Negara.
   - Nombor Telefon Luar Negara.
   - Alamat tempat tinggal atau surat-menyurat atau alamat “in-care-of" / “hold mail" (termasuk peti surat).
   - Arahan tetap untuk memindahkan dana ke akaun yang didaftarkan di negara/Bidang Kuasa luar negara.
   - Kuasa wakil yang berkuat kuasa semasa / kuasa tandatangan yang diberikan kepada seseorang dengan alamat luar negara.
   - Kewarganegaraan / status pemastautin (untuk FATCA sahaja).

### PENGISYTIHARAN FATCA

1. Maklumat di bawah pengisytiharan FATCA perlu dilengkapkan oleh semua pemegang unit.
2. Maklumat dalam borang ini dikumpulkan untuk mematuhi keperluan FATCA yang mewajibkan ASNB mengenal pasti dan melaporkan individu yang merupakan individu A.S.
3. Jika anda mempunyai salah satu kriteria A.S. tetapi anda bukanlah Warganegara A.S., anda perlu menyerahkan dokumen seperti dinyatakan di Bahagian B. Jika tidak, ASNB akan melaporkan nama, alamat, dan sebarang maklumat yang diperlukan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
4. Sebarang pertanyaan berkaitan FATCA, sila lawati laman sesawang IRS di www.irs.gov.

### PENGISYTIHARAN PEMASTAUTIN CUKAI - CRS

1. Maklumat di bawah pengisytiharan pemastautin cukai perlu dilengkapkan oleh semua pemegang unit.
2. Anda dikehendaki memilih salah satu maklumat dalam bahagian pemastautin cukai dan melengkapkannya mengikut status pemastautin cukai anda:
   - Pemastautin Cukai Malaysia Sahaja.
   - Pemastautin Cukai Malaysia dan Luar Negara.
   - Pemastautin Cukai Luar Negara.
3. Sebarang pertanyaan berkaitan CRS, sila layari “OECD Automatic Exchange of Information Portal” di www.oecd.org/tax/automatic-exchange.

### PENGISYTIHARAN & PENGAKUAN

1. Maklumat dalam bahagian ini perlu dilengkapkan oleh semua pemegang unit.

## PANDUAN RUJUKAN KOD

### (A) PENERANGAN SEBAB KETIADAAN NOMBOR PENGENALAN CUKAI (TIN)

| KOD | PENERANGAN |
|---|---|
| A | Negara/Bidang Kuasa di mana Pemegang Unit adalah pembayar cukai, tidak dikenakan sebarang Nombor Pengenalan Cukai (TIN). |
| B | Pemegang unit tidak mempunyai TIN atau nombor setaraf dengannya. (Sila jelaskan mengapa anda tidak memperoleh TIN dalam jadual di Bahagian C sekiranya anda memilih alasan ini). |
| C | Tiada TIN diperlukan. Ini hanya terpakai jika Pihak Berkuasa negara/bidang kuasa yang berkaitan tidak memerlukan TIN untuk pelaporan CRS. |

### (B) PENERANGAN SEBAB KETIADAAN SIJIL KEHILANGAN KEWARGANEGARAAN AMERIKA SYARIKAT (CLN)

| KOD | PENERANGAN |
|---|---|
| A | Anda telah memohon untuk mendapatkan CLN dan kini sedang menunggu pengeluarannya disebabkan oleh kelewatan pentadbiran daripada Perkhidmatan Kewarganegaraan dan Imigresen A.S (USCIS) atau agensi kerajaan yang berkaitan. |
| B | Sebagai seorang yang dilahirkan di A.S, anda mungkin tidak sedar bahawa anda akan menerima CLN selepas menyerahkan kewarganegaraan A.S. |
| C | Anda tidak menerima sebarang faedah atau diberikan Nombor Keselamatan Sosial A.S, berkemungkinan disebabkan oleh ibu bapa anda tidak mendapatkan kewarganegaraan A.S semasa kelahiran anda. |
| D | Oleh kerana ibu bapa anda adalah diplomat Malaysia semasa kelahiran anda, anda tidak memperoleh kewarganegaraan A.S kerana anak-anak yang dilahirkan oleh diplomat tidak tertakluk kepada bidang kuasa A.S. |
| E | Anda / ibu bapa anda telah mendaftar dengan konsulat Malaysia untuk mengesahkan kewarganegaraan Malaysia, dan "Borang W" telah dikeluarkan sebagai bukti. Untuk pilihan ini, sila kemukakan "Borang W". |
| F | Sebelum ini anda ada memegang CLN. Walau bagaimanapun, ia tidak lagi dalam simpanan anda kerana telah hilang atau dicuri. |

## GLOSARI

### TERMINOLOGI

| | |
|---|---|
| Akaun kena lapor | Akaun bagi mana-mana unit amanah yang diuruskan oleh ASNB yang telah dikenalpasti sebagai akaun yang dipegang oleh satu atau lebih Individu Boleh Dilapor. |
| Akaun Kewangan | Akaun unit amanah yang diuruskan oleh ASNB. |
| Nombor Pengenalan Cukai (TIN) | Nombor Pengenalan Pembayar Cukai atau mana-mana rujukan yang mempunyai fungsi setaraf.<br><br>Sesetengah negara tidak mengeluarkan TIN. Walau bagaimanapun, negara-negara ini sering menggunakan nombor lain yang mempunyai integriti tinggi dengan tahap pengenalan yang setara. Contoh nombor tersebut termasuk, bagi individu, nombor keselamatan/insurans sosial, nombor pengenalan / warganegara / perkhidmatan peribadi, dan nombor pendaftaran pemastautin. |
| Individu kena lapor | Individu yang merupakan pemastautin cukai dalam Jurisdiksi Boleh Dilapor di bawah undang-undang cukai dalam Bidang Kuasa tersebut. |
| Pemastautin Cukai Malaysia | Penduduk Malaysia yang tertakluk kepada mana-mana undang-undang percukaian Malaysia. |
| Pemastautin untuk Tujuan Cukai | Secara amnya, seseorang individu hanya akan mempunyai satu Bidang Kuasa tempat tinggal. Walau bagaimanapun, seseorang individu mungkin menjadi pemastautin untuk tujuan cukai di dua atau lebih Bidang Kuasa. Undang-undang domestik pelbagai Bidang Kuasa menetapkan syarat-syarat di mana seseorang individu dianggap sebagai pemastautin secara fiskal. Ia meliputi pelbagai bentuk ikatan dengan Bidang Kuasa yang, dalam undang-undang percukaian domestik, menjadi asas kepada percukaian menyeluruh (liabiliti penuh kepada cukai).<br><br>Contoh Penentuan Pemastautin untuk Tujuan Cukai:<br><br>**Contoh 1**: Individu mempunyai rumah tetap di Jurisdiksi A dan dikenakan cukai sebagai pemastautin di sana. Dia tinggal lebih daripada enam bulan di Jurisdiksi B dan dikenakan cukai sebagai pemastautin di sana. Oleh itu, dia adalah pemastautin bagi kedua-dua Bidang Kuasa.<br><br>**Contoh 2**: Sama seperti Contoh 1, tetapi individu hanya tinggal lapan minggu di Jurisdiksi B. Oleh itu, dia hanya dianggap pemastautin di Jurisdiksi A. |
| Pemegang Unit | • Mana-mana individu yang merupakan Pemegang Unit berdaftar ASNB.<br>• Bagi Akaun Bijak / Remaja di mana Penjaga Berdaftar bertindak sebagai penjaga sah, kanak-kanak itu dianggap sebagai Pemegang Unit. |
| Piawaian Pelaporan Umum (CRS) | Piawaian yang diluluskan oleh Majlis Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi pada 15 Julai 2014, yang boleh dipinda dari semasa ke semasa. |
| Jurisdiksi Boleh Dilapor | Kerajaan yang telah menandatangani Perjanjian Berkuasa Berbilang Pihak mengenai Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan Secara Automatik dengan Malaysia. |
| Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) | FATCA merujuk kepada peruntukan Amerika Syarikat yang dikenali sebagai peruntukan Pematuhan Cukai Akaun Asing, yang diperkenalkan dalam undang-undang A.S sebagai sebahagian daripada Akta Pemberian Insentif untuk Mengembalikan Pekerjaan (HIRE) pada 18 Mac 2010. FATCA mewujudkan rejim pelaporan maklumat dan pemotongan cukai baharu untuk pembayaran kepada institusi kewangan bukan A.S tertentu dan entiti bukan A.S lain. |
| Perubahan Keadaan | Menurut keperluan CRS dan FATCA, "Perubahan Keadaan" merujuk kepada sebarang perubahan dalam satu atau lebih maklumat berikut:<br>• Perubahan butiran pemastautin cukai (ke/dari luar Malaysia; atau dari satu negara ke negara lain).<br>• Perubahan alamat kediaman atau surat-menyurat (ke/dari luar Malaysia; atau dari satu negara ke negara lain).<br>• Perubahan nombor hubungan (ke/dari luar Malaysia; atau dari satu negara ke negara lain).<br>• Permohonan atau pembatalan arahan tetap untuk memindahkan dana ke akaun yang disimpan di luar Malaysia; atau dari akaun luar negara ke akaun lain.<br>• Perubahan alamat wakil kuasa/kuasa tandatangan yang berkuat kuasa (ke/dari luar Malaysia; atau dari satu negara ke negara lain).<br>• Perubahan status kewarganegaraan/tempat tinggal ke/dari A.S (untuk FATCA sahaja). |

ASNB



# BORANG PENGISYTIHARAN FATCA DAN CRS

## BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMEGANG UNIT

| | | |
|---|---|---|
| Nama Penuh Pemegang Unit seperti dalam Dokumen Pengenalan: | Nama Pertama atau diberi: | Nama Keluarga atau Akhir: |
| Tarikh Lahir (HH/BB/TTTT): | / / | No. K/P: - - |
| Tempat Lahir: | Bandar: | Negara: |
| Alamat Kediaman: | | |
| | Poskod: Bandar: | Negara: |
| Alamat Surat-Menyurat (jika berbeza daripada di atas): | | |
| | Poskod: Bandar: | Negara: |
| Nombor Telefon (kod negara): | Utama: | Sekunder (jika ada): |

## BAHAGIAN B: PENGISYTIHARAN FATCA

| | Sila lengkapkan bahagian ini dan tandakan [ / ] pada ruangan yang berkenaan | Ya | Tidak | Dokumen Diperlukan Jika <Ya> |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Adakah anda warganegara A.S ? | | | • Salinan MyKAD; **DAN**<br>• Salinan Kad Hijau; **ATAU** Salinan Pasport A.S.<br><br>(Jika anda telah menandakan "**Ya**" pada mana-mana soalan, sila isikan TIN A.S anda dalam jadual di bawah Bahagian C). |
| 2 | Adakah anda memiliki Kad Pemastautin Tetap A.S (Kad Hijau) atau Pasport A.S ? | | | |
| 3 | Adakah anda pemastautin A.S ? | | | |
| 4 | Adakah anda mempunyai alamat kediaman atau surat–menyurat di A.S (termasuk peti surat A.S) ? | | | • Salinan MyKAD / Pasport Malaysia; **ATAU**<br>• Salinan Sijil Pemastautin. |
| 5 | Adakah anda kini mempunyai nombor telefon A.S (kod dail: +1) ? | | | |
| 6 | Adakah A.S negara kelahiran anda ? | | | • Salinan MyKAD / Pasport Malaysia; **DAN**<br>• Salinan Sijil Kehilangan Kewarganegaraan A.S (CLN); **ATAU** alasan tidak memiliki CLN seperti yang dinyatakan dalam **panduan rujukan kod (B)**.<br>• Sila pilih sebab yang sesuai dengan menandakan [ / ] di bawah: |

| A | B | C | D | E | F |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

## BAHAGIAN C: PENGISYTIHARAN PEMASTAUTIN CUKAI

Sila lengkapkan bahagian ini dan tandakan [ / ] pada ruangan yang berkenaan

Saya mengisytiharkan bahawa saya adalah : ☐ Pemastautin Cukai Malaysia Sahaja (MTR) ☐ Pemastautin Cukai Malaysia dan Luar Negara ☐ Pemastautin Cukai Luar Negara

Jika anda telah menandakan "Pemastautin Cukai Malaysia dan Luar Negara" atau "Pemastautin Cukai Luar Negara", sila lengkapkan jadual berikut

| | Negara/Bidang Kuasa Cukai Dibayar (Sila nyatakan SEMUA negara/bidang kuasa kediaman cukai anda ) | Nombor Pengenalan Cukai (TIN) / Nombor keselamatan sosial (SSN) | Jika tiada TIN, sila nyatakan Kod sebab A,B, C Sila rujuk PANDUAN RUJUKAN KOD bahagian (A) | Jika sebab B telah dipilih, sila nyatakan mengapa anda tidak dapat mempunyai TIN. |
|---|---|---|---|---|
| 1 | | | | |
| 2 | | | | |
| 3 | | | | |

- Butiran peraturan pemastautin cukai boleh didapati di: http://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-residency/.
- Butiran TIN bagi setiap bidang kuasa cukai boleh didapati di: http://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-identification-numbers/.

**Pengesahan Maklumat Pemastautin Cukai**

- MTR dikehendaki memilih kotak yang berkaitan di bawah yang bersesuaian dengan anda.
- Jika negara / bidang kuasa yang dinyatakan pada alamat / nombor telefon anda di bahagian A (atau selain indikasi FATCA dan CRS dinyatakan) berlainan daripada daripada negara/bidang kuasa kediaman cukai yang telah anda isytiharkan di atas (iaitu, Bahagian C), sila berikan penjelasan anda:

☐ Saya adalah pelajar / pengajar / pelatih / di institusi pendidikan Luar Negara dan memegang visa yang bersesuaian.
☐ Saya bertugas di negara / bidang kuasa yang dinyatakan di bahagian A dan belum tinggal terlalu lama untuk menjadi pemastautin cukai.
☐ Saya bertugas sebagai diplomat di konsulat / kedutaan atau angkatan tentera yang ditempatkan di Luar Negara.
☐ Tiada yang di atas. Sila nyatakan sebab anda: ____________________

**Nota:**

- Sila berikan dokumen sokongan yang berkaitan untuk menyokong lagi negara/bidang kuasa pemastautin cukai yang telah anda isytiharkan di atas (iaitu, Bahagian C). Contohnya, Kad Pengenalan Pendaftaran Kebangsaan (NRIC) / Sijil Pemastautin Cukai / Lesen Memandu / Pendaftaran Awam / Pas Pelajar di luar negara / Notis Taksiran / Penyata Cukai Terkini.
- Jika anda tidak mengemukakan dokumen sokongan, ASNB akan melaporkan anda kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) sebagai pemastautin cukai negara/bidang kuasa yang dinyatakan dalam alamat/nombor telefon anda di Bahagian A (atau tanda FATCA dan CRS lain yang dinyatakan) dan negara/bidang kuasa pemastautin cukai yang telah anda isytiharkan dalam Bahagian C.

# ASNB

# BORANG PENGISYTIHARAN FATCA DAN CRS

## BAHAGIAN D: PENGISYTIHARAN DAN PENGAKUAN

1. Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas dan maklumat di dalam dokumen yang dikemukakan adalah benar, tepat dan lengkap; dan dokumen yang dikemukakan adalah tulen dan dilaksanakan dengan sewajarnya.
2. Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan ASNB melaporkan maklumat saya kepada pihak berkuasa mengikut keperluan FATCA dan CRS sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, perjanjian atau garis panduan kawal selia atau arahan.
3. Saya juga bersetuju dan berjanji untuk memberitahu ASNB atau memberi maklumat yang diminta oleh ASNB dalam tempoh 90 hari dari tarikh pengisytiharan ini dibuat jika terdapat perubahan mana-mana maklumat yang telah saya berikan kepada ASNB.
4. Saya dengan ini memberikan persetujuan bahawa ASNB boleh mengklasifikasikan saya sebagai pemegang unit yang perlu dilaporkan sekiranya saya gagal menyediakan maklumat dan/atau dokumentasi yang tepat dan lengkap seperti yang diperlukan oleh ASNB di bawah keperluan FATCA dan CRS.
5. Saya juga dengan ini bersetuju bahawa ASNB berhak menamatkan akaun sekiranya saya menjadi bukan warganegara Malaysia.

| ______________________ | ______________________ | ______________________ | ______________________ |
|---|---|---|---|
| **Tarikh** (HH/BB/TTTT) | **Nama Pemegang Unit** | **Nama Penjaga** (Jika Pemegang Unit adalah Di Bawah Umur) | **Tandatangan Pemegang Unit/ Penjaga** |

## UNTUK KEGUNAAN ASNB DAN EJEN SAHAJA

**DOKUMEN SOKONGAN / MAKLUMAT DITERIMA**

| | Jenis Dokumen Sokongan / Maklumat | [ / ] |
|---|---|---|
| 1 | MyKAD | |
| 2 | Pasport Malaysia | |
| 3 | Pasport A.S | |
| 4 | Kad Hijau | |
| 5 | Sijil Pemastautin A.S | |
| 6 | Sijil Pemastautin Bukan A.S | |

| | Jenis Dokumen Sokongan / Maklumat | [ / ] |
|---|---|---|
| 7 | Sijil Kehilangan Kewarganegaraan A.S (CLN) | |
| 8 | Sebab tidak mempunyai CLN | |
| 9 | Lesen Memandu | |
| 10 | Pas pelajar di negara asing | |

Lain-lain: 1. ______________________

2. ______________________

| | SENARAI SEMAK PENGISYTIHARAN FATCA | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1 | Adakah pemegang unit warganegara A.S ? | | |
| 2 | Adakah pemegang unit pemastautin A.S termasuk pemegang kad hijau ? | | |
| 3 | Adakah pemegang unit dilahirkan di A.S ? | | |
| 4 | Adakah pemegang unit mempunyai alamat kediaman atau surat-menyurat di A.S (termasuk peti surat A.S) ? | | |
| 5 | Adakah pemegang unit mempunyai nombor telefon terkini di A.S ? | | |
| 6 | Adakah pemegang unit mempunyai Nombor Pengenalan Cukai (TIN) / Nombor Keselamatan Sosial (SSN) Amerika Syarikat? | | |

**STATUS FATCA PEMEGANG UNIT** Pemegang unit adalah: ☐ Warga A.S ☐ Bukan Warga A.S

| | SENARAI SEMAK PENGISYTIHARAN PEMASTAUTIN CUKAI - CRS | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1 | Adakah pemegang unit mempunyai alamat kediaman/surat menyurat di luar Malaysia? | | |
| 2 | Adakah pemegang unit mempunyai nombor telefon luar Negara? | | |
| 3 | Adakah pemegang unit mempunyai Nombor Pengenalan Cukai Luar Negara? | | |

**STATUS CRS PEMEGANG UNIT** Pemegang unit adalah: ☐ Pembayar Cukai Malaysia ☐ Pembayar Cukai Luar Negara

| | Nama | ID Pekerja | Tandatangan | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| **Diterima oleh** | | | | |
| **Disemak oleh** | | | | |